

## **BAB V**

### **5.1. Saranan**

Daripada kajian yang telah dilakukan di Kafetaria Kelab FRIM, penulis dapati bahawa Kafetaria Kelab FRIM hanya melaksanakan 2 diskriminasi daripada 3 diskriminasi yang ada iaitu diskriminasi harga darjah kedua dan diskriminasi harga darjah ketiga. Diskriminasi harga darjah pertama tidak ada kerana Kafetaria Kelab FRIM memberikan harga tetap dan tidak ada tawar-menawar apatah lagi lelong-lelong. Diskriminasi harga darjah kedua terdapat di Kafetaria Kelab FRIM kerana di dalamnya terdapat pemotongan harga berdasarkan kuantiti barang yang dibeli, semakin banyak barang yang dibeli semakin murah harganya. Diskriminasi harga darjah ketiga pun terdapat di Kafetaria Kelab FRIM, yang mana Kafetaria boleh untuk mengasingkan pengguna berdasarkan profesi, umur dan tempat (geografi).

Sedikit perhatian terhadap penelitian yang penulis dapati bahawa untuk pelancong asing yang datang dari negara yang berbeza (negara maju dan membangun), Kafetaria Kelab FRIM tidak mencantumkan harga yang jelas buat mereka padahal pemberian harga kepada pelancong dari negara yang berbeza adalah tidak sama. Di sini penulis dapati, dengan tidak mencantumkan harga yang jelas kepada para pelancong dari negara yang berbeza kurang sesuai dengan patuh syariah yang mana dalam hal jual beli haruslah jelas harga yang ditetapkan. Penulis telah melakukan pembicaraan kepada pihak Pengurus Kafetaria Kelab FRIM agar menetapkan harga yang jelas khususnya untuk para pelancong luar negara.

## 5.2. Penutup

Sebagaimana kita ketahui bahawa matlamat perniagaan adalah untuk mendapatkan keuntungan. Suatu perniagaan tidak akan berhasil tanpa ada mendapat keuntungan, sekiranya keuntungan itu tidak ada maka peniaga akan mendapat kerugian, dan perniagaan tidak dapat dijalankan semula. Dalam segala usaha perniagaan yang dilakukan hendaknya sesuai dengan sunnah Rasulullah s.a.w. untuk mencari keredaan Allah s.w.t. dengan beramal soleh, sebagaimana firmanNya:

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمُ إِلَهُهُ وَاحِدٌ ۚ فَمَن كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ ۚ أَحَدًا



*“Katakanlah (Wahai Muhammad): "Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan Yang Satu; oleh itu, sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah ia mempersekutukan sesiapa pun dalam ibadatnya kepada Tuhannya".*

Sūrah al-Kahfi (18) : 110

Dalam melakukan perdagangan tersebut diperlukanlah suatu strategi agar usaha itu boleh mendapatkan keuntungan iaitu dengan menggunakan kaedah campuran perniagaan yang terkenal dengan 4P. Di dalam melaksanakan 4P, peniaga juga boleh untuk melakukan strategi diskriminasi harga terhadap barang dagangan yang dijualnya. Untuk mendapatkan keuntungan yang lebih dengan melaksanakan subsidi silang di antara pengguna. Di satu segi peniaga tidak akan merasa kerugian dengan pelanggan tetap yang terus konsisten berbelanja di tempatnya walaupun dengan keuntungan tidak terlalu besar (*permintaan anjal*). Tetapi keuntungan itu

boleh diusahakan dengan pelanggan yang tidak tetap dengan menaikkan harga di atas harga piawai (*permintaan tidak anjal*).

Dengan melakukan diskriminasi, peniaga boleh membantu masyarakat tanpa mengorbankan syarikat (*bekerja sambil beramal*). Selain dari itu diskriminasi harga juga sesuai dengan konsep keadilan, kerana keadilan bukan berarti memberikan sama rata dan sama rasa, tetapi keadilan itu sendiri adalah menempatkan sesuatu sesuai dengan kedudukannya. Meskipun pada hakikatnya manusia hanya berusaha untuk dapat berbuat adil dan tidak ada manusia yang bisa berbuat adil 100%, kerana keadilan itu hanyalah milik Allah s.w.t. dan hanya Dialah yang dapat melakukannya.

Ini berbaloi dengan apa yang dilakukan oleh Syarikat Rukiah Home Cooked Food yang memberikan diskriminasi harga kepada kakitangan FRIM dan bukan kakitangan FRIM. Oleh kerana kakitangan FRIM setiap hari berbelanja dan memberikan pemasukan yang konstan, maka mereka berhak untuk menikmati diskriminasi harga tersebut. Sedangkan bukan kakitangan diberikan dengan harga yang biasa. Begitu juga kepada kanak-kanak dan orangtua, Syarikat Rukiah memberikan potongan harga sedikit kepada orangtua dan kanak-kanak dilihat pada kuantiti yang mereka ambil, biasanya kuantiti makanan yang mereka ambil lebih sedikit dibandingkan sepinggan makanan orang dewasa.

Oleh kerana itu diskriminasi bukanlah sesuatu yang bertentangan dengan hukum Islam selagi ia diamalkan berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan dan sudah juga diketahui bahawa ia diamalkan secara meluas dalam ekonomi konvensional. Islam tidak melarang penganutnya untuk mengikuti sebarang teori dari barat selagi ia tidak bertentangan dengan Islam bahkan kita amat digalakkan untuk

menuntut sebanyak mungkin ilmu untuk membina tamadun Islam. Bumi Allah ini luas, maka mengembaralah kamu untuk melihat kekuasaanNya.

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَامْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِن رِّزْقِهِ ۗ  
وَإِلَيْهِ النُّشُورُ ﴿١٥﴾

*“Dia lah yang menjadikan bumi bagi kamu mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah; dan (ingatlah), kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula; (maka hargailah nikmatNya dan takutilah kemurkaanNya)”*.

Sūrah al-Mulk (67) : 15